

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

BH Khamis, 8 Ogos 2024

Nasional

5

Kes pegawai perubatan diberi cuti bersalin 60 hari

MMA minta KKM tambah baik isu sumber manusia

Pertimbang syor pemetaan digital tangani tenaga kerja tidak sekata sektor penjagaan kesihatan awam

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) meminta Kementerian Kesihatan (KKM) membuat penambahbaikan isu sumber manusia dalam kementerian itu.

Presiden MMA, Dr Azizan Abdul Aziz, berkata walaupun pihaknya menghargai penyelesaian pantas Kementerian dalam isu itu, masih ada keperluan untuk penambahbaikan dalam Jabatan Sumber Manusia KKM.

Katanya, ini kerana keadaan sedemikian boleh dielakkan dengan pandangan jauh dan perancangan yang lebih berkesan daripada jabatan berkenaan.

"Jelas terdapat banyak cabaran dalam sistem penjagaan kesihatan berpunca daripada perancangan sumber manusia yang

tidak mencukupi.

"Di sebalik komitmen Menteri Kesihatan untuk meningkatkan kebajikan pekerja kesihatan, masih terdapat gangguan di peringkat operasi berkaitan keperluan tenaga kerja, seperti yang ditunjukkan dalam insiden baru-baru ini," katanya.

Justeru beliau berkata, sebagai sebahagian daripada langkah ke arah perancangan sumber manusia sektor kesihatan yang lebih baik, pihaknya menggesa KKM mempertimbangkan cadangan MMA untuk pemetaan digital sumber manusia.

"Ia sebagai satu langkah yang kami percaya akan membantu menangani pengagihan tenaga kerja yang tidak sekata dalam sektor penjagaan kesihatan awam di seluruh negara.

"Malah, pendekatan dipacu data ini akan memudahkan membuat keputusan yang lebih baik

dan akhirnya meningkatkan perkhidmatan dan penyampaian penjagaan kesihatan untuk penduduk," katanya.

Cuti bersalin kembali 90 hari

Sabtu lalu, media melaporkan Pengarah Kesihatan Selangor, Dr Ummi Kalthom Shamsudin, berkata, keputusan meluluskan penetapan cuti bersalin selama 60 hari saja berikutan kekurangan pegawai perubatan di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hulu Langat, telah dipersetujui oleh semua ketua klinik di daerah itu.

Bagaimanapun, semalam, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, dilaporkan berkata Kementerian telah mengembalikan cuti bersalin selama 90 hari kepada pegawai perubatan terbabit dan mengangap isu berkenaan sudah selesai.

Pada masa sama, Dr Azizan berkata Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) wajar menyemak Perintah Am berkaitan cuti bersalin bagi penjawat awam yang ketika ini ditetapkan antara 60 sehingga 90 hari.

Katanya, semakan itu perlu berikutan pindaan Akta Pekerjaan

1955 tahun lalu memperuntukkan 98 hari cuti kepada ibu bersalin.

Katanya, pindaan itu adalah satu langkah baik yang amat disokong oleh MMA.

"Malangnya, ia menyebabkan berlakunya *double standard* antara sektor awam dan swasta seperti yang dilihat dalam kes ketika ini apabila penjawat awam mungkin mendapat 38 hari cuti bersalin lebih rendah daripada rakan sejawat mereka di sektor swasta.

"Perlindungan bersalin adalah hak asasi manusia yang termaktub dalam Perkara 25 Deklarasi Hak Asasi Manusia dan amalan terbaik itu telah ditetapkan pada 98 hari (14 minggu)," katanya.

Jelas beliau, penetapan itu bukan sahaja bermanfaat, tetapi tempoh yang penting untuk kesihatan dan kesejahteraan ibu dan anak.

Katanya, tempoh cuti bersalin yang lebih pendek menjejaskan masa pemulihan penting yang diperlukan oleh ibu baru dan menjejaskan tempoh ikatan awal yang kritikal antara ibu dan bayi yang merupakan asas kepada perkembangan

Jelas terdapat banyak cabaran dalam sistem penjagaan kesihatan berpunca daripada perancangan sumber manusia yang tidak mencukupi. Di sebalik komitmen Menteri Kesihatan untuk meningkatkan kebajikan pekerja kesihatan, masih ada gangguan di peringkat operasi berkaitan keperluan tenaga kerja, seperti ditunjukkan dalam insiden baru-baru ini

Dr Azizan Abdul Aziz, Presiden MMA



kanak-kanak dan kesihatan mental ibu.

Keputusan itu jelas tidak menghiraukan faedah standard cuti bersalin 98 hari yang termasuk pemulihan fizikal yang mencukupi selepas bersalin, sokongan untuk penyusuan yang berjaya dan pengurangan kemurungan selepas bersalin.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MUKA SEPULUH

MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Khamis, 8 Ogos 2024

Perkenal dasar bersepadu 'rawat' kesihatan mental mangsa bencana

• Kerugian kewangan dan kekurangan makanan berpunca bencana alam seperti banjir biasanya menyebabkan kesan serta-merta ke atas tahap kesihatan mental orang ramai atau mangsa

• Walaupun kebimbangan terhadap ekologi adalah tindak balas biasa terhadap sebarang reaksi kepada perubahan iklim, ia boleh membentuk pandangan masyarakat, menimbulkan kemarahan dan provokasi

Oleh Mohd Noor Musa
bhrencana@bh.com.my



Penganalisis Penyelidikan, Institut Masa Depan Malaysia (MASA)

Kebimbangan ekologi atau iklim adalah satu keadaan kesukaran dihadapi manusia akibat perubahan iklim yang menyebabkan mereka menjadi cemas terhadap masa depan mereka.

Bagi sesetengah orang, kebimbangan terhadap cuaca seperti golongan petani adalah bimbang kehilangan punca pendapatan apabila tanaman rosak akibat kemarau, pencemaran air dan udara.

Mereka yang mempunyai hubungan kuat dengan alam semula jadi lebih cenderung mengalami gangguan fikiran jika berlaku perubahan cuaca ketara.

Pada peringkat global, kaitan antara perubahan iklim, kesihatan mental dan kesejahteraan psikososial sering menjadi tajuk utama berita, terutama dalam rangka kerja kesihatan pengurusan kecemasan, bencana dan keadaan cuaca melampau.

Malangnya, sehingga hari ini tiada kajian khusus bagaimana perubahan iklim mampu mempengaruhi kesihatan mental manusia, di samping belum ada dasar khas mengukuhkan keupayaan mental masyarakat apabila menjadi mangsa bencana alam.

Sebagai contoh, Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Malaysia mengakui kesan perubahan iklim boleh menjejaskan kesejahteraan manusia dan alam sekitar.

Namun begitu, dasar berkenaan tidak menyebut secara jelas mengenai kesihatan mental mangsa terjejas akibat kejadian banjir, tanah runtuh dan sebagainya. Kerugian kewangan dan kekurangan makanan berpunca daripada bencana alam seperti banjir biasanya menyebabkan kesan serta-merta ke atas tahap kesihatan mental orang ramai atau mangsa.

Hakikatnya, kesan psikologi dialami manusia akibat bencana alam amat penting ditangani dan memerlukan perhatian serius. Banjir besar pada 2021 di Lembah Klang dan sebahagian besar Semenanjung, misalnya mengakibatkan kerugian harta benda sebanyak RM6.1 billion dan dianggarkan lebih 71,000 orang kehilangan tempat tinggal, selain meragut 54 nyawa.

Hampir semua mangsa mengalami kerosakan harta benda ketika bah besar mengalami beberapa bentuk tekanan psikologi seperti kemurungan dan gangguan tekanan selepas trauma (PTSD). Bencana seperti ini seharusnya menjadi pengajaran kepada pihak berwajib dan kita semua.

Bagaimanapun, kesannya hanya cenderung bersifat jangka pendek. Sebagai contoh, sokongan daripada keluarga, rakan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta agensi kerajaan hanya diberikan pada

masa kejadian dan selepas itu, mereka yang terjejas banjir dibiarkan bersendirian mengurus diri mereka sendiri dan kehidupan.

Mangsa perlukan bantuan kritikal

Tidak ada mekanisme sokongan dalam menyatukan iklim, pengurusan bencana dan kesihatan mental masyarakat terjejas bencana alam ini. Golongan ini atau mangsa amat memerlukan bantuan kritikal seperti sokongan kewangan, perumahan dan semangat untuk meneruskan kehidupan.

Oleh itu, satu rangka kerja dasar perubahan iklim bersepadu dengan sokongan kesihatan mental dan psikososial perlu diperkenalkan kerajaan bagi memastikan orang ramai atau mangsa bencana diberikan bantuan sebenarnya memandangkan risiko masalah psikiatri mungkin menimpa mereka selepas bencana.

Ini kerana bencana seperti banjir boleh mengakibatkan kehilangan pekerjaan, melemahkan perpaduan sosial dan sumber komuniti serta memberi kesan langsung terhadap kesihatan mental.

Mereka yang berpendapatan rendah dan golongan minoriti, terutama keluarga di kawasan luar bandar atau terpencil menjadi lebih terdedah kepada kemiskinan akibat bencana alam. Oleh itu, satu dasar berkesan dan bermanfaat seharusnya diperkenalkan dalam usaha menyesuaikan perubahan iklim bagi mereka yang terjejas.

Selain itu, terdapat juga keperluan mendesak bagi pengamal kesihatan mental di Malaysia memahami dengan lebih mendalam gejala kebimbangan alam sekitar bagi membolehkan mereka menyediakan rawatan bersesuaian. Sehingga hari ini, belum ada tanda usaha bersepadu memasukkan impak perubahan iklim dalam latihan profesional atau kurikulum kesihatan mental.

Ketiadaan dasar jelas mengenai kebimbangan terhadap alam sekitar di Malaysia amat serius me-

mandangkan peningkatan bilangan orang mengalami kesihatan mental disebabkan bencana alam.

Walaupun kebimbangan terhadap ekologi adalah tindak balas biasa terhadap sebarang reaksi kepada perubahan iklim, ia boleh membentuk pandangan masyarakat, menimbulkan kemarahan dan provokasi, terutama golongan muda.

Kekecewaan dan rasa putus asa akan menjejaskan kelestarian dan masa depan orang ramai. Perlu diakui, kesan perubahan iklim terhadap kesihatan manusia semakin kritikal dan memerlukan pendekatan menyeluruh lagi bersepadu.

Risiko pengurusan perubahan iklim perlu dipadukan ke dalam sistem pengawasan nasional supaya tindak balas berdasarkan maklumat iklim dan risiko dapat diambil bagi mengurangkan kemurungan, gangguan bipolar dan fungsi kognitif atau kesan kesihatan mental lain.

Belum terlambat untuk kerajaan dan kementerian berkaitan menyepadukan pertimbangan iklim dengan program kesihatan mental. Pendekatan berasaskan komuniti perlu dibangunkan bersama untuk mengurangkan kelemahan.

Di Filipina, kerajaannya sudah membina semula dan menambah baik perkhidmatan kesihatan mental rakyat selepas Taufan Haiyan melanda negara itu pada 2013.

Di India, satu projek nasional diperkenalkan untuk memastikan kerajaan mengambil langkah segera dan bertindak balas terhadap risiko perubahan iklim serta menangani keperluan kesihatan mental dan psikososial akibat bencana alam.

Dengan mengambil kira pendekatan pelbagai aspek, kita mampu mengurangkan kesan buruk perubahan iklim terhadap keawaran dan kesihatan mental manusia serta memastikan masa depan kehidupan lebih selamat dan sihat.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : RENCANA

Laksana inisiatif kekalkan negara destinasi pelancongan kesihatan

● MHTC perlu jadi 'orang tengah' selaras penyedia perkhidmatan kesihatan, hospital dengan agensi pelancongan supaya tiada ambil jalan pintas, kaut untung sendiri tapi kesannya negara hilang pendapatan

● Kerajaan perlu tambah peruntukan pembangunan infrastruktur lebih realistik tingkatkan prasarana pelancongan kesihatan seperti kemudahan penginapan berhampiran hospital, pengangkutan khas pesakit



Profesor Adjung
Universiti Malaysia
Kelantan (UMK) dan
Timbalan Presiden
Persatuan
Pembangunan
Pelancongan
Antarabangsa
Malaysia (MITDA)

Oleh Datuk Azlie Halim
bhrencana@bh.com.my

Kecemerlangan Malaysia dalam bidang perubatan bukanlah baharu, malah diiktiraf pada peringkat dunia sekian lama. Negara menerusi Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) menerima pengiktirafan di atas pencapaian cemerlang penyedia perkhidmatan kesihatan pada Majlis Anugerah Pelancongan Kesihatan International Medical Travel Journal (IMTJ) 2018 di Athens.

Sembilan daripada 15 kategori dipertandingan dibolot MHTC, sekali gus membuktikan kecekapan melaksanakan peranannya sebagai agensi memaju dan membantu menyelaras industri pelancongan kesihatan negara.

Malaysia juga mendapat kepujian tertinggi sebagai 'Destinasi Kesihatan dan Pelancongan Perubatan Terbaik Tahunan'. Pengiktirafan ini untuk semua usaha dilakukan dalam memartabatkan Malaysia sebagai destinasi global terkemuka untuk penjagaan kesihatan. Beberapa hospital swasta terulung tanah air juga berjaya meraih beberapa anugerah berprestij pada majlis berkenaan.

Sepanjang tempoh tiga tahun lalu, Malaysia kekal menjadi juara bertahan bagi anugerah 'Destinasi Kesihatan dan Pelancongan Perubatan Terbaik', sekali gus menjadi kayu ukur bagi negara di seluruh dunia berlumba-lumba untuk menjadi destinasi pilihan pelancongan kesihatan.

Malaysia mempunyai beberapa faktor utama meletakkannya lebih jauh di hadapan berbanding destinasi lain.

Pertama, Malaysia menawarkan perkhidmatan kesihatan berkualiti tinggi dengan hospital dan klinik dilengkapi teknologi canggih. Pakar perubatan berpengalaman dan terlatih di negara ini sering mempunyai latar belakang pendidikan daripada universiti terkemuka di seluruh dunia.

Kedua, kos rawatan perubatan kompetitif di negara ini jauh lebih rendah berbanding negara Barat seperti Amerika Syarikat (AS) dan Eropah. Ini menjadikan Malaysia pilihan menarik bagi pesakit mencari rawatan perubatan berkualiti dengan kos lebih rendah. Malaysia juga menyediakan perkhidmatan pelancongan kesihatan menyeluruh, terutama menerusi perkhidmatan concierge disediakan.

Begitu juga kemudahan infrastruktur pelancongan baik, termasuk pengangkutan mudah, penginapan berkualiti dan kemudahan hospital moden, menjadikan Malaysia destinasi selesa untuk pelancongan perubatan.

Paling unik adalah kepelbagaian budaya dan penggunaan bahasa Inggeris meluas memudahkan komunikasi antara pesakit antarabangsa dengan penyedia perkhidmatan kesihatan. Ini juga membolehkan pelancong menikmati pengalaman budaya kaya ketika berada di negara ini.

Yang pasti Malaysia menjadi peneraju dalam industri pelancongan kesihatan dan dilihat signifikan dengan adanya penyedia perkhidmatan kesihatan terus berdaya saing untuk mencapai kecemerlangan.

Sektor pelancongan kesihatan di negara ini menunjukkan pertumbuhan dan daya tahan memberangsangkan, terutama selepas pandemik COVID-19. Sehingga 2023, Malaysia menarik lebih satu juta pelancong kesihatan, peningkatan ketara daripada 850,000 pelawat dicatatkan pada 2022.

Pertumbuhan ini disertai dengan pendapatan pelancongan perubatan mencecah kira-kira RM1.3 bilion pada 2022. Sektor ini dijangka terus meningkat dengan unjuran pendapatan melepasi RM2 bilion menjelang 2025.

Melihat kepada kelebihan dan potensi dalam segmen pelancongan kesihatan, pengusaha agensi pelancongan tempatan perlu segera tampil merebut peluang dengan menawarkan pakej pelancongan kesihatan lebih menarik kepada segmen pasaran ini.

Memandangkan segmen pelancongan kesihatan antara kluster pelancongan berimpak tinggi mampu menjana ekonomi negara, peluang ini tidak seharusnya disia-siakan.

Ekosistem pelancongan lebih kondusif

Pengusaha agensi pelancongan dan penyedia perkhidmatan perubatan seperti hospital serta pusat kesihatan perlu berganding bahu dalam mewujudkan ekosistem pelancongan lebih kondusif.

Namun, komitmen bersama ini dilihat tidak begitu kemas apabila ada pihak tertentu ingin mengambil jalan pintas mengaut keuntungan sendiri. Ada juga rungutan dalam kalangan pengusaha agensi pelancongan menyatakan wujud antara penyedia perkhidmatan kesihatan dan hospital memasarkan pakej pelancongan kesihatan mereka sendiri tanpa melalui agensi pelancongan.

Situasi seumpama ini menimbulkan kekecewaan menyebabkan beberapa agensi pelancongan tidak berminat memasarkan pakej pelancongan kesihatan.

Dalam satu situasi lain, ada pula keluhan dalam kalangan penyedia perkhidmatan kesihatan dan hospital menyatakan tiada agensi pelancongan datang bertemu serta berbincang dengan mereka untuk membuat pakej pelancongan kesihatan.

Jika situasi ini tidak ditangani secara bijaksana, ia akan merugikan banyak pihak, akhirnya

negara bakal kehilangan pendapatan besar daripada sektor ini.

MHTC sebagai badan bertanggungjawab memaju dan membantu menyelaras industri pelancongan kesihatan Malaysia diharapkan dapat menjadi 'orang tengah', sekali gus melaksanakan peranan penting dalam memastikan semua pihak terbabit dapat bekerjasama menjayakan misi nasional ini.

Dalam usaha meletakkan Malaysia sebagai destinasi penjagaan kesihatan global terkemuka, MHTC diharapkan dapat memberi tumpuan kepada beberapa inisiatif untuk dimajukan dalam mencapai matlamat ini.

Kita percaya MHTC mempunyai cara dan inisiatif tersendiri dalam memastikan masa depan industri pelancongan kesihatan akan sentiasa cerah. Kejayaan demi kejayaan diraih, sama ada pada peringkat tempatan dan antarabangsa, membuktikan MHTC berjaya meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan terbaik di dunia.

Yang pasti kita tidak seharusnya alpa dan hanya berpuas hati dengan pencapaian semasa tanpa memikirkan masa depan serta persaingan mencabar pada masa akan datang.

Justeru, inisiatif sudah dan akan diperkenalkan perlu berlandaskan kekuatan serta keunikan negara sebagai destinasi penjagaan kesihatan, sekali gus ditambah baik dari semasa ke semasa.

Selain inisiatif sedia ada, usaha pemasaran lebih agresif perlu dilakukan untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan termasuk kempen pemasaran digital dan pameran kesihatan antarabangsa membabitkan kerjasama erat antara agensi pelancongan serta hospital.

Pada masa sama, hospital dan klinik perlu memastikan serta meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan mendapatkan akreditasi antarabangsa. Ini boleh meningkatkan keyakinan pesakit antarabangsa terhadap perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Begitu juga pembangunan infrastruktur. Kerajaan diharapkan dapat menambahkan peruntukan lebih realistik bagi meningkatkan infrastruktur pelancongan dan kesihatan untuk memudahkan akses kepada pelancong perubatan termasuk membina lebih banyak kemudahan penginapan berdekatan hospital dan menyediakan perkhidmatan pengangkutan khas untuk pesakit.

Program pelancongan kesihatan juga perlu dikemaskan lagi dengan menyediakan pengalaman komprehensif untuk pelancong perubatan termasuk perkhidmatan sokongan seperti penterjemah, bantuan visa dan perkhidmatan selepas rawatan.

Ini secara tidak langsung boleh meningkatkan kepuasan dan keselesaan pesakit sepanjang tempoh rawatan.

Bagi memastikan kecemerlangan ini berterusan, sektor kerajaan dan swasta perlu terus bekerjasama dengan inisiatif untuk meningkatkan infrastruktur serta penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Dengan melaksanakan inisiatif ini, industri pelancongan negara dapat berkembang dengan lebih pesat dan mampan serta meningkatkan daya saing pada peringkat antarabangsa.



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

PP171310312013 (032006)
RM2.00

WWW.HMETRO.COM.MY #HARIANMETRO @HMETROMY

KHAMIS 8 OGOS 2024
3 SAFAH 1946

Harian Metro

REMAJA KETAGIH VAPE PERISA 'CENDAWAN AJAIB'

RM5, 5 KALI SEDUT

Kumpulan remaja yang ketagihan rokok elektronik (vape) berperisa 'cendawan ajaib' amat membimbangkan berikutan bekalan bahan berkenaan kini mudah didapati. Seorang remaja berusia 16 tahun berasal daripada keluarga asnaf mengaku membelanjakan antara RM5 hingga RM10 setiap kali mahu mendapatkan sedutan bahan itu bagi melepas giat.

lapor Mary Victoria Dass

MS2



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : LOKAL

PENJUAL VAPE SASAR GOLONGAN REMAJA

KETAGIH SEDUT MAGIC MUSHROOM

Oleh Mary Victoria
Dass
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Ramai kumpulan pelajar di bandar raya ini dibimbangi ketagih kepada penggunaan rokok elektronik (vape) mengandungi 'cendawan ajaib' atau *magic mushroom* yang didakwa mudah didapati.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Bandar Baru Permas Jaya A, Habib Syed Sallilah Aasad berkata, apa yang membimbangkan, kini wujud sekumpulan penjual yang menyasarkan jualan perisa *magic mushroom* kepada kalangan remaja.

Beliau berkata, menerusi maklumat dikongsi seorang remaja lelaki yang ketagih perisa *magic mushroom* apabila dia mendakwa mula terjebak kerana terpengaruh rakan sebayanya.

Menurutnya, remaja berusia 16 tahun berasal daripada keluarga asnaf itu mengaku membelanjakan antara RM5 hingga RM10 setiap kali mahu mendapatkan sedutan *magic mushroom*.

"Ketika menghampiri remaja itu, penjual *magic mushroom* turut berada di



SEORANG lelaki yang dikatakan menjual vape *magic mushroom* kepada remaja di kawasan Permas Jaya.



HABIB

lokasi sama, namun dia kemudian melarikan diri apabila perbuatannya dipersoal.

"Remaja itu mendakwa membayar RM5 bagi lima sedutan, manakala RM10 bagi 10 kali sedutan dan

kebiasaannya dilakukan di kawasan terbuka termasuk di kedai mahupun di taman permainan kanak-kanak.

"Mereka berani kerana orang akan menyangka hanya menghisap vape. Saya pernah mengejar seorang lelaki dewasa yang menagih *magic mushroom* dan lelaki itu agak agresif dan hampir rempuh saya," katanya.

Katanya, dia difahamkan vape mengandungi perisa *magic mushroom* atau 'Shroom' ini mengandungi bahan aktif 'psilocybin' iaitu sejenis bahan aktif halusinogen yang sangat kuat.

"Kebelakangan ini ada saja golongan muda dimasukkan ke hospital akibat penggunaan vape yang mengandungi *magic mushroom* dan keadaan ini amat berbahaya," katanya.

“Perlu ada penguatkuasaan lebih telus selain akta berkaitan”
Mohd Ridhwan

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Permuafakatan Pendidikan Malaysia (Me'didik), Mohd Ridhwan Othman berkata, Johor adalah negeri terawal melarang dan tidak membenarkan penjualan vape berkuat kuasa 1 Januari 2016, namun kini ia bebas dijual.

"Perlu ada penguatkuasaan lebih telus selain akta berkaitan yang melarang penggunaan vape.

"Kita terkebelakang dalam usaha menangani masalah vape mengandungi dadah seolah-olah ia bukan lagi ancaman pada negara," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan Asisten Komisyoner Raub Selamat berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan terhadap penggunaan vape *magic mushroom* dalam kalangan remaja.



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : LOKAL

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

George Town

Konon boleh tahan lama

JKN Pulau Pinang rampas ubat perangsang seks mengandungi racun berjadual serta produk tidak berdaftar, sembilan individu ditahan

Pelbagai operasi dilakukan pihak berkuasa, namun masih ada individu berdegil apabila berani menjual produk ubat perangsang seks tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernoifikasi di negara ini.

Lebih membimbangkan, ia turut dijual secara terbuka menerusi platform e-dagang, malah ada yang menggunakan akaun palsu bagi mengelak aktiviti dikesan demi mengaut keuntungan.

Susulan itu, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang membuat serbuan ke atas 17 premis di negeri ini pada 30 Julai lalu dan merampas ubat perangsang seks mengandungi racun berjadual, produk tidak berdaftar dan kosme-

tik tidak bernoifikasi secara dalam talian.

Op Legacy 2.0 diketuai Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) dengan kerjasama Ibu Pejabat Farmasi Pulau Pinang, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan polis itu merampas sebanyak 463 jenis produk serta tujuh peranti digital termasuk komputer.

Pengarah JKN Pulau Pinang, Datuk Dr Fazillah Shaik Allaudin berkata, secara keseluruhan rampasan menerusi operasi yang dijalankan hasil aduan awam itu dianggarkan bernilai RM3.9 juta.

Menurutnya,

pemeriksaan awal mendapati ubat perangsang seks itu didakwa digunakan bagi merawat pesakit yang mengalami masalah seksual seperti mati pucuk, impotens atau Erectile Dysfunction (ED).

"Ia dijual pada harga RM100 hingga RM200 dan jika diambil berlarutan boleh menyebabkan tekanan darah rendah, pening serta pitam, manakala hati serta buah pinggang boleh rosak jika tanpa kawalan, selain mengalami gangguan mental.

"Ubat seperti

ini tidak boleh diiklankan di mana-mana media kerana dilarang secara mutlak mengikut Seksyen 3

Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956 dan hanya boleh dibekalkan pengamal perubatan berdaftar atau ahli farmasi dengan preskripsi yang sah.

"Ia menjadi kesalihan mengikut Seksyen 13(a) Akta Racun 1952 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 32(2) akta sama iaitu denda tidak lebih RM5,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali," katanya pada si-

dang media, di sini, kelmarin.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Mohd Zawawi Abdullah berkata, kesemua produk itu dirampas di kilang, gudang, kediaman dan pejabat yang dijadikan tempat proses serta penyimpanan barangan itu.

Katanya, seramai sembilan individu berusia 20 hingga 30 tahun ditahan bagi membantu siasatan.

"Kebanyakannya terdiri daripada pemilik premis selain kakitangan dan mereka sudah agak lama beroperasi di platform e-dagang, malah intipan juga dijalankan sejak dua tahun lalu sehingga sindiket ini berjaya dikesan," katanya.

Menurut Mohd Zawawi KKM turut berdepan cabaran dalam mengekang penjualan produk seumpamanya di media sosial dan giat menjalankan saringan terhadap iklan yang dibuat dengan tuntutan perubatan tidak sah.

"Sebanyak 15,000 saringan dibuat tahun ini termasuk mengambil tindakan sekatan dan menurunkan iklan dari platform media sosial dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

"KKM sentiasa serius dalam membanteras penjualan produk terlarang ini kerana mereka yang menghasilkannya tidak mempunyai sebarang kelayakan atau bukan pihak yang sah bagi mengeluarkan produk kesihatan itu," katanya.

"Ubat seperti ini tidak boleh diiklankan di mana-mana media"
Fazillah



ANTARA ubat tidak berdaftar, kosmetik tidak bernoifikasi dan ubat perangsang seks mengandungi racun yang dirampas.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : DALAM NEGERI

JPA diminta semak perintah cuti bersalin, elak dwistandard

PETALING JAYA: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) digesa menyemak perintah am mengenai cuti bersalin bagi penjawat awam yang kini tidak selaras seperti ditetapkan sebelum ini.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr Azizan Abdul Aziz berkata, cuti bersalin untuk penjawat awam sudah ditetapkan minimum 60 hari wajib dan boleh mencapai sehingga 90 hari melalui pindaan Akta Pekerjaan 1955.

Bagaimanapun, menurut beliau, terdapat dwistandard antara sektor awam dan swasta di mana penjawat awam mungkin hanya mendapat cuti bersalin sehingga 38 hari iaitu kurang dari pekerja-pekerja di sektor swasta.

"Perlindungan bersalin adalah hak asasi manusia yang termaktub dalam Artikel 25 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat. Ia sudah ditetapkan pada 98 hari atau 14 minggu.

"Ini bukan sekadar faedah semata-mata tetapi tempoh penting untuk kesihatan dan kesejahteraan ibu serta anaknya," katanya di dalam satu kenyataan, semalam.

Terdahulu, media melaporkan, Hartal Doktor Kontrak men-

zahirkan penghargaan kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad atas campur tangan tegas beliau dalam mengembalikan semula cuti bersalin 90 hari untuk pegawai perubatan di Daerah Hulu Langat.

Portal berita kesihatan melaporkan pejabat kesihatan daerah Hulu Langat mengehadkan cuti bersalin kepada 60 hari untuk semua pegawai perubatan di klinik kesihatan awam sejak 27 Jun.

Dalam pekeliling yang dilihat portal itu, pejabat kesihatan daerah Hulu Langat berkata langkah itu diambil berikutan kekurangan doktor di semua klinik kesihatan di daerah berkenaan.

Bagaimanapun, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, cuti selama 90 hari sudah dikembalikan kepada pegawai perubatan yang terlibat dan diselesaikan oleh kementeriannya.

Mengulas lanjut, Dr Azizan berkata, tindakan mengurangkan tempoh cuti bersalin bukan sahaja memberi tekanan kepada pegawai perubatan yang baru melahirkan anaknya tetapi turut berpotensi menjejaskan kualiti penjagaan kesihatan apabila perlu bekerja lebih awal.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

'Cough syrup used in ice cream not banned'

Local distributor asserts that *Nin Jiom Pei Pa Koa* allowed to be sold legally in Philippines, Taiwan

BY JOSHUA PURUSHOTMAN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Weng Seng Heng Medical Hall Sdn Bhd, the local distributor of cough syrup *Nin Jiom Pei Pa Koa* has clarified that the product has been legally sold in the Philippines with a Food and Drug Administration certificate valid from March 31, 2023 to May 21, 2027.

Its marketing manager Steve Ng said: "To be registered, the product has to follow the Philippines' labelling law, which it does."

He was commenting on a report in *theSun* on July 30 in which Universiti Kebangsaan Malaysia Specialist Children's Hospital chief pharmacist Ong Aik Liang expressed alarm about

consuming food items laced with medicines and warned the public to be cautious.

Ong was giving his views on homegrown ice cream chain Inside Scoop's use of *Nin Jiom Pei Pa Koa*, also known as *Cap Ibu dan Anak* cough syrup, as topping for its vanilla ice cream.

Within hours of *theSun*'s report, the Health Ministry banned the use of the cough syrup in food preparations and ordered Inside Scoop to withdraw the product from all its outlets.

As a result of the ministry's rebuke, Inside Scoop apologised via its social media platforms for selling ice cream containing cough syrup and announced that sales of the controversial flavour had been halted with immediate effect.

Ng told *theSun* that Inside Scoop's use of *Nin Jiom Pei Pa Koa* in its ice cream in the first place was a decision it made independently.

"Neither (the manufacturer) Nin Jiom Medicine Mfy (HK) Ltd nor Weng Seng Heng Medical Hall have engaged in any discussion or agreed on any partnership with Inside Scoop (to use our product in its ice cream)."

Ng further claimed that the Taiwan Ministry of Health and Welfare has not banned *Nin Jiom Pei Pa Koa*, despite not being able to provide the

necessary documentation with letterhead, stamp or signature attesting to this.

"The document which we provided to *theSun* proves that *Nin Jiom Pei Pa Koa* is not banned in Taiwan. It does not contain a letterhead, stamp or signature because this is how it was when we downloaded it from the Taiwan Ministry of Health and Welfare website.

"Since our product has not been banned, we are definitely not in a position to make an official request to the ministry directly for the information requested. We hope you understand that this is an impossible action to take, and we trust that documents available from the ministry's official website are good enough as proof," Ng said.

Meanwhile, the Singapore Food Agency yesterday reassured consumers that *Pei Pa Koa* flavoured food products are generally safe, "but should be consumed in moderation".

Pei Pa Koa, also known as *PI Pa Gao*, is a traditional herbal syrup used to relieve coughs and soothe sore throats. It is classified as a "Chinese Proprietary Medicine" and is regulated by the Singapore Health Sciences Authority.